

Kerja bermula, penduduk lega

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS
berita@kosmo.com.my

KAJANG - Janji ditepati. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengotakan janji dengan mengatasi masalah tanah runtuh yang membeleggu penduduk di sekitar Sungai Long dekat sini.

Walaupun terlewat daripada jadual yang ditetapkan kerja-kerja membaik pulih di kawasan tersebut membolehkan penduduk menarik nafas lega.

Tinjauan *KOSMO!* semalam mendapati, cerucuk besi sudah mula dipasang di sebelah kiri dan kanan tebing sungai di sekitar kawasan tanah runtuh tersebut.

Jurucakap JPS ketika dihubungi *KOSMO!* berkata, kerja-kerja menanam cerucuk sementara itu dilakukan oleh kontraktor yang telah dilantik oleh jabatan.

“Cerucuk sementara itu ditanam bagi mengelakkan kejadian tanah runtuh berulang.”

“Setelah siap pembinaan longkang, kerja pembaikan lain seperti memasangkan ceru-



CERUCUK-CERUCUK besi dipasang di tebing Sungai Long, Kajang bagi mengatasi masalah tanah runtuh di situ.

cuk boleh dimulakan,” katanya.

Menurutnya lagi, pembinaan longkang akan bermula dalam tempoh dua atau tiga minggu dari sekarang.

Beliau memberitahu, setelah longkang disiapkan, ce-

rucuk besi sementara di sebelah kiri dan kanan sungai akan dialihkan untuk menggantikannya dengan cerucuk kekal.

Terdahulu, *KOSMO!* melaporkan keresahan penduduk terhadap kelewatan MPKj

menangani masalah yang menimpa penduduk di Sungai Long, pada bulan lalu.

Selepas JPS selesai menanam cerucuk tersebut, MPKj akan menurap semula jalan seperti sedia kala, kata jurucakap.